Jadual 6.10	Min Hubungan Keutamaan Potensi Berbanding Kesedaran	222
Jadual 6.11	Min Hubungan Keutamaan Kesedaran Pemuliharaan Berbanding Potensi	223
Jadual 7.1	Sumber Sedia Ada sebagai galakan pemuliharaan di kalangan masyarakat	274
Jadual 7.2	Memenuhi kehendak masyarakat sebagai galakan pemuliharaan	275
Jadual 7.3	Pembangunan mapan sebagai galakan pemuliharaan	276
Jadual 7.4	kualiti kawasan warisan sebagai galakan pemuliharaan	277
Jadual 7.5	Kawasan warisan sebagai identiti masyarakat	279
Jadual 7.6	Kawasan warisan memperkasa budaya masyarakat	278
Jadual 7.7	Pemeraksanaan masyarakat oleh entiti warisan menggalakan pemuliharaan	280
Jadual 7.8	Rasa kepunyaan menggalakan pemuliharaan kawasan	282
Jadual 7.9	Keutamaan potensi berbanding kesedaran dalam menggalakan pemuliharaan	284
Jadual 7.10	Keutamaan kesedaran berbanding potensi dalam menggalakan pemuliharaan	285
Jadual 7.11	Senarai Semak Pakej Aktiviti yang Meningkatkan Potensi dan Kesedaran	314

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka Pembolehubah	31
Rajah 1.2	Kerangka Penyelidikan	41
Rajah 2.1	Kerangka Teori	101
Rajah 3.1	Kerangka Metodologi	105
Rajah 3.2	Triangulasi Data	131
Rajah 4.1	Peta Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh	160
Rajah 5.1	Peta Kawasan Warisan Melaka	170
Rajah 5.2	Peta Kawasan Warisan Pulau Pinang	172
Rajah 5.3	Peta Kawasan Warisan Kampung Glam, Singapura	174
Rajah 5.4	Peta Kawasan Warisan Melbourne, Australia	175
Rajah 6.1	Peta Pekan Baru Ipoh	209

SENARAI GAMBAR

Gambar 4.1	Bangunan Stesen Keretapi Ipoh, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, Perak	148
Gambar 4.2	Bangunan Institut St. Micheal, Jalan S.P. Seenivasagam, Ipoh, Perak	148
Gambar 4.3	Bangunan Chua Cheng Bok di Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh, Perak	148
Gambar 4.4	Bangunan Dewan Bandaran di di Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, Perak	148
Gambar 5.1	Geographer Cafe, Jalan Hang Jebat, Melaka	176
Gambar 5.2	Jonker Boutique Hotel, Jalan Tokong, Melaka	176
Gambar 5.3	Laluan Block Arcade (Collins Street, Melbourne)	177
Gambar 5.4	Bussorah Mall (Kampung Glam, Singapura)	177
Gambar 5.5	Jalan Tukang Besi (Melaka)	178
Gambar 5.6	Lebuh Pantai, Pulau Pinang	178
Gambar 5.7	perhentian LRT di Flinder Street, Melbourne	178
Gambar 5.8	Bangunan Stadthys di Melaka	179
Gambar 5.9	Pemuliharaan di Kandahar Street, Kampung Glam	179
Gambar 5.10	Lebuh King, Pulau Pinang	180
Gambar 5.11	Restoran Peranakan di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Melaka	181
Gambar 5.12	Bangunan Old Commercial Bank of Australia (Collins Street)	181
Gambar 5.13	Restoran berciri moden The Whiteaways Arcade di Lebuh Pantai, Pulau Pinang.	181
Gambar 5.14	Bussuroh Mall, Kampung Glam	181
Gambar 5.15	Federation Square, Melbourne	182

Gambar 5.16	Desgraves Street, Melbourne	184
Gambar 5.17	Tebing Sungai Melaka	184
Gambar 5.18	Arca Three Men and Their Lunch Box, Melbourne	185
Gambar 5.19	Masjid Kampung Kling di Jalan Tukang Besi, Melaka	186
Gambar 5.20	Rumah Agam Pinang Peranakan, Lebuh Gereja, Pulau Pinang	186
Gambar 5.21	Scott Alley , Melbourne	187
Gambar 5.22	Degraves Street, Melbourne	187
Gambar 5.23	Chelsea di Collins Street, Melbourne	188
Gambar 5.24	Tokong Han Jiang, di Lebuh Chulia, Pulau Pinang	189
Gambar 5.25	Masjid Sultan (kanan) di Kampung Glam, Singapura	189
Gambar 5.26	GPO di Bourke Street, Melbourne	190
Gambar 5.27	Muzium Budaya Cheng Ho di Lorong Hang Jebat, Melaka	191
Gambar 5.28	Lebuh Queen, Pulau Pinang	192
Gambar 5.29	Mercantile Bank, Collins Street, Melbourne.	192
Gambar 5.30	Alsagoff Arab School di Jalan Sultan, Kampung Glam	193
Gambar 5.31	Bangunan Logan Heritage di Lebuh Pantai, Pulau Pinang	195
Gambar 5.32	Dataran Bandar, Melaka	195
Gambar 5.3	Jalan Tukang Besi, Melaka	196
Gambar 5.34 & 5.35	Brosur inisiatif peniaga, Bangunan Nicholas, Melbourne	196
Gambar 5.36	Rumah Makan Minang di Kandahar Street, Kampung Glam, Singapura	197
Gambar 5.37	Stesen Keretapi Flinders Street, Melbourne	198
Gambar 5.38	Perniagaan tiga generasi, Kampung Glam	198
Gambar 5.39	Graffiti di Union Lane, Melbourne	200

Gambar 6.1	Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh	245
Gambar 6.2	Jalan Sultan Iskandar, Ipoh	245
Gambar 6.3	Tanaman pokok di tengah laluan kaki, Jalan Sultan Iskandar, Ipoh	247
Gambar 6.4	Kelemahan pemuliharaan di Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh	247
Gambar 6.5	Bangunan Chua Cheng Bok, Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh	250
Gambar 6.6	Vila Foong Seong, Jalan Laxamana, Ipoh	250
Gambar 6.7	Kedai soya tradisional di Jalan Dato' Tahwil Azar, Ipoh	252
Gambar 6.8	Kedai ayam garam di Jalan Raja Musa Aziz, Ipoh	252
Gambar 6.9	Rumah kedai kosong di Jalan Raja Ekram, Ipoh	254
Gambar 6.10	Rumah kedai kosong di Jalan Sultan Iskandar, Ipoh	254
Gambar 6.11	Warna tidak seragam di Jalan Dato' Onn Jaafar, Ipoh	257
Gambar 6.12	Warna tidak seragam di Jalan Sultan Iskandar, Ipoh	257
Gambar 6.13	Laluan kaki di Taman Rekreasi Jalan Raja Musa Aziz, Ipoh	259
Gambar 6.14	Bangunan Yayasan Perak, Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh	262
Gambar 6.15	Daun pintu rumah kedai di Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh	262
Gambar 6.16	Bahagian kiri Taman Jubilee, Jalan Raja Ekram, Ipoh	263
Gambar 6.17	Bahagian kanan Taman Jubilee, Jalan Raja Ekram, Ipoh	263
Gambar 6.18, 6.19 dan 6.20	Perubahan reka bentuk Bazar Lam Looking Jalan Laxamana, Ipoh	264
Gambar 6.21	Perak Chinese Amateur Dramatic Association, Jalan Mustapha Al-Bakri, Ipoh	267
Gambar 6.22	Tebing Sungai Kinta	269

SINGKATAN ISTILAH

CCZ	Capital City Zone, Melbourne
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
IDR	Institut Darul Ridzuan
ITC	Majlis Timah Antarabangsa
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak
MBI	Majlis Bandaraya Ipoh
NKRA	<i>National Key Result Areas</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UTC	Urban Transformation Centre
ZPP	Zon Pembangunan Pusat, Bandaraya Ipoh

PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM PEMULIHARAAN KAWASAN WARISAN DI PUSAT BANDARAYA IPOH, PERAK

Abstrak

Penyelidikan ini memberi fokus kepada masalah pengabaian kawasan warisan di kalangan masyarakat, merangkumi pentadbir, pengguna dan pemilik bangunan. Bagi mengatasi masalah ini dua aspek utama diukur untuk menilai tahap penerimaan masyarakat dalam menggerakkan usaha pemuliharaan di kalangan mereka. Dua aspek dimaksudkan ialah potensi dan kesedaran yang menjadi objektif utama penyelidikan ini. Aspek potensi diukur bagi menilai tahap keyakinan dan kefahaman masyarakat ke atas kawasan warisan, bagaimana potensi mampu menggerakkan masyarakat memulihara kawasan warisan. Manakala aspek kesedaran diukur bagi menilai tahap kesedaran sehingga ia boleh mendorong masyarakat memulihara. Menggunakan kajian kes tunggal di Pusat Bandaraya Ipoh, Perak, kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui instrumen pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Kajian ini juga menggunakan kajian pemerhatian di empat buah bandar warisan lain sebagai data sokongan iaitu di Pusat Bandaraya Melaka, Lebuh Pantai (Pulau Pinang), Kampung Glam (Singapura) dan Melbourne (Australia). Melalui data yang dianalisa, penyelidikan ini mendapati potensi dan kesedaran tidak berjaya menggerakkan masyarakat di Ipoh memulihara kawasan warisan. Berdasarkan kajian literatur dan penemuan di empat buah bandar warisan lain, penyelidikan ini telah memacu cadangan-cadangan bagi meningkatkan potensi dan kesedaran di kalangan masyarakat, seterusnya menggerakkan masyarakat memulihara kawasan warisan. Cadangan ini merupakan satu pakej lengkap untuk meningkatkan potensi kawasan warisan dan kesedaran di kalangan masyarakat ke atas entiti warisan kawasan. Malah, ia boleh diaplikasikan kepada bandar-bandar lain yang menghadapi masalah pengabaian kawasan warisan di kalangan masyarakat.

COMMUNITY INVOLVEMENT IN CONSERVATION OF HERITAGE AREA IN IPOH CITY CENTRE, PERAK

Abstract

This research focuses on the problems of abandoned heritage sites by the community, administrators, users and building owners. To overcome these problems, two main aspects are measured to evaluate the community's acceptance level in stirring the efforts to conserve the sites. Potential and awareness are the two aspects that become as main objective in this research. The potential aspect was measured by evaluating the community's confidence and understanding level towards the heritage sites and how it could encourage the community to conserve these sites. Meanwhile, awareness aspect was measured by evaluating the level in encouraging the society to nurture the sites. A case study was conducted in Ipoh City Centre, Perak. The research included both quantitative and qualitative methodologies through observation, interviews and questionnaires distribution. This research used observational study in four heritage cities as supporting data in Melaka Heritage City, Lebu Pantai (Pulau Pinang), Kampung Glam (Singapore) and Melbourne (Australia). Through data analysis, this research concluded the potential and awareness aspects unsuccessfully encourage the community of Ipoh to conserve the heritage sites. Based on the literature and findings on four heritage cities, this research has come up with ideas that able to increase potential and awareness among community and able to mobilize them to conserve the heritage area. This idea is a complete package to increase the potential of heritage area and awareness amongst the community on heritage area entity. These suggestions could also be applicable to other cities that endure the same neglecting problems on heritage area amongst community.

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sejak dua dekad ini penglibatan masyarakat menjadi isu global, ia dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam usaha pemuliharaan warisan dan perancangan bandar (Esther, 2011). Pendekatan ini bermaksud satu bentuk penglibatan menyeluruh setiap lapisan masyarakat samada dari aspek pengagihan peranan (Castro, 2010) atau penyaluran input yang tepat kepada pentadbir untuk membuat keputusan dasar (Hart, 2004). Tujuannya adalah untuk memastikan pemuliharaan kawasan warisan setempat dapat memberi kelebihan kepada komuniti dengan meningkatkan potensi kawasan terbabit (Jimura, 2011). Ini kerana, masyarakat merupakan pihak berkepentingan ke atas entiti dalam sesebuah kawasan, ia merujuk kepada komuniti yang mencipta, memiliki dan menggunakannya (George, 2010).

Seperti Bandaraya Ipoh, memiliki pelbagai monumen bersejarah yang terbanyak dalam Negeri Perak (Raja Nazrin Shah, 2006) seharusnya membuka peluang untuk pelbagai agenda pembangunan ekonomi, sosiobudaya dan pelancongan (Deraf Rancangan Tempatan Ipoh 2020, 2010). Bangunan warisan yang kaya dengan elemen budaya ini amat bernilai kepada masyarakat setempat dalam pelbagai aliran seperti kesenian, sejarah, agama, nilai estetika dan pendidikan (ICCOMOS, 1993). Ini bermaksud,

kepentingan masyarakat seharusnya menjadi keutamaan dalam usaha pemuliharaan kawasan warisan.

Masyarakat yang berada dalam satu ruang tidak boleh diasingkan dari elemen fizikal yang wujud dalam persekitaran mereka kerana turut merangkumi bersama elemen budaya, hubungan sosial dan alam sekitar (Hargreaves, 2004). Menyedari kepentingan penglibatan masyarakat, maka penyelidikan ini melihat aspek potensi dan kesedaran sebagai pendorong dalam proses pemuliharaan kawasan. Menjadikan Bandaraya Ipoh sebagai lokasi kajian, isu pengabaian aset warisan diperhalusi bagi melihat masalah sebenar sebelum penyelidikan ini dimulakan seterusnya membantu menjustifikasikan peranan potensi dan kesedaran sebagai elemen pendorong masyarakat memulihara kawasan warisan.

1.2 Latarbelakang Isu

Menurut Piaw (2011), isu merupakan permulaan pembentukan persoalan kajian atau sering diungkapkan sebagai masalah kajian. Malah sesetengah penyelidik menyatakan kemampuan mentafsir masalah kajian dengan tepat dianggap sebagai separuh penyelesaian kepada penyelidikan tersebut, kerana ia merupakan penafsiran yang konkrit mengenai isu dalam sesuatu fenomena yang dikaji (Burns, 2000). Oleh itu, penyelidikan ini menyingkap dua isu pengabaian di kalangan pemilik/pengguna dan juga

pihak pentadbiran sebagai punca kepada masalah pemuliharaan kawasan warisan di Pusat Bandaraya Ipoh.

1.2.1 Pengabaian Pemuliharaan Kawasan Warisan di Kalangan Pengguna dan Pemilik Aset Warisan

Bagi Bandaraya Ipoh, pemilikan individu merupakan jumlah tertinggi berbanding bangunan yang dimiliki atau berkaitan kerajaan (Mohd Azman, 2011; Syed Zainol, 1995). Selama ini, elemen warisan di Ipoh lebih dikenali dengan bangunan berskala besar yang dimiliki oleh kerajaan dan organisasi utama seperti Stesen Keretapi, Mahkamah Tinggi, Pejabat Pos Lama, Dewan Bandaraya Ipoh, bangunan-bangunan pendidikan dan rumah-rumah kediaman pemimpin utama tempatan (Khoo Salma, 2005). Namun, dari segi kuantiti, bangunan berskala sederhana dan kecil lebih mendominasi keseluruhan kawasan warisan di Ipoh (Syed Zainol, 1995). Bangunan-bangunan ini dimiliki oleh individu atau pemain ekonomi semasa awal perkembangan bijih timah di Ipoh (Ming, 2009). Bangunan warisan jenis ini meliputi deretan bank dan rumah-rumah kedai dua hingga 3 tingkat seperti di Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Jalan Sultan Iskandar dan Jalan Sultan Idris Shah, serta di bahagian lain sekitar pusat bandar (Abdur-Razzaq, 1999). Selain itu, pemilikan individu juga merangkumi bangunan residensi, bangunan keagamaan, sekolah persendirian, dewan-dewan perniagaan, hotel, restoran, dan pelbagai bangunan komersial lain (Raja Nazrin Shah, 2006).

Pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tiada kesedaran kepentingan warisan, prospek perniagaan yang menurun, tiada kesinambungan waris pemilikan dan tiada kesinambungan operasi perniagaan telah menyebabkan bangunan ini gagal dipelihara dengan baik, ada sesetengahnya mulai rosak dan menunggu masa untuk roboh (Lynn Hollen Lees, 2008; Shuhana, 2005). Hari ini, bangunan individu mempelopori senarai utama bangunan warisan yang musnah. Manakala sejumlah 40% premis kosong di pusat bandaraya tanpa aktiviti telah dilaporkan dalam Rancangan Tempatan 2020 (Majlis Bandaraya Ipoh, 2010).

Gambaran ini turut dipapar dalam media cetak dan aktivis warisan tempatan seperti Ipoh Echo dan Vicinity Perak, <http://perakheritage.wordpress.com> dan <http://www.ipohworld.org/blog>. Sehubungan itu, bangunan milik persendirian perlu diberi perhatian kerana ia mendominasi dan berada dalam kawasan warisan di Ipoh, seperti yang disarankan oleh Ribeiro (2008). Kelompok pemilik ini telah membentuk sebuah masyarakat, maka faktor penolakan masyarakat perlu difahami berdasarkan kepada pelbagai kekangan. Kekangan ini sekiranya tidak diatasi akhirnya menyebabkan masalah pemuliharaan kawasan warisan berlarutan sehingga bertambah sukar ditangani pada masa hadapan (Ribeiro, 2008).

Walau bagaimanapun, ketiadaan data inventori menyukarkan jumlah atau peratusan kemusnahan tersebut diukur (Zuraidah, 2008). Menyedari hakikat ini, satu bancian dilakukan bagi mendapatkan data awal, bancian ini dijalankan ke atas deretan rumah kedai yang dibina sebelum 1960 (pra

kemerdekaan). Lokasi bancian adalah 3 kilometer radius dari pusat bandar iaitu Bandar Ipoh Lama (Pekan Lama) dan Bandar Ipoh Baru (Pekan Baru). Hasil bancian ini ditunjukkan melalui Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Bancian Unit Rumah Kedai di Pusat Bandaraya Ipoh.

Bil.	Nama Jalan	Bilangan premis yang kosong
1	Jalan Sultan Abdul Jalil	2
2	Jalan Law Wei Cheng	12
3	Jalan Raja Ekhrum	6
4	Jalan Raja Musa Aziz	3
5	Jalan Dato Tahwil Azar	1
6	Jalan Mustapha Al-Bakry	4
7	Jalan Masjid	15
8	Jalan Russel	3
9	Jalan Chung Thye Phin	4
10	Jalan Sultan Iskandar	8
11	Hala Pasar Baru	1
12	Lintasan Pasar Baru	2
13	Jalan Yu Tet Sin	4
14	Jalan Laxamana	7
15	Jalan Bijih Timah	3
16	Jalan Othman Talib	3
17	Persiaran Bijih Timah	2
18	Jalan Bandar Timah	5
19	Jalan Sultan Ipoh	5
20	Jalan Market	6
21	Jalan Tun Sambathan	4
22	Lorong Bijih Timah	3
23	Jalan Dato Maharajalela	2
24	Jalan Horly	3
25	Jalan Sultan Idris Shah	14
26	Jalan Treacher Selatan	4
27	Jalan Datoh	4
28	Jalan Tun Perak	10
29	Jalan Lahat	5
30	Lorong Panglima	8
JUMLAH		155

Sumber; Penyelidik, 2010

Jadual 1.1 menunjukkan terdapat 155 unit premis 2 dan 3 tingkat yang kosong sepenuhnya dan masih boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti. Kawasan ini tersedia dengan pelbagai kemudahan asas seperti sistem perparitan, bekalan elektrik dan air, penyediaan tempat meletak kenderaan,

mempunyai pelanggan dan pengunjung sekitar serta pelbagai kelebihan lain. Selain itu, tahap pengabaian kawasan warisan di Bandaraya Ipoh turut disokong oleh satu lagi bancian yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2; Bancian kemusnahan dan kerosakan bangunan dan kawasan warisan di Bandaraya Ipoh.

Bil	Bangunan/monumen	Tahun	Status
1	Jambatan Hugh Low di Jalan Sultan Iskandar	1890	Diroboh pada 2010 untuk digantikan dengan jambatan baru
2	Lam Looking Bazaar	1933	Musnah akibat kebakaran
3	Majestic Theater di Jalan C.M. Yusuf, Ruby Theatre dan Odeon Cinema	1938	Telah mengalami pengubahsuaian ketara tanpa memelihara keadaan asal bangunan. Manakala Majestic Theatre telah diroboh pada 2012
4	Auxiliary Police Mess di Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab	1951	Musnah akibat kebakaran
5	Kampung Pisang	1800an	Kampung Melayu awal wujud sekitar tahun 1800an di tengah-tengah bandar Ipoh yang tidak lagi kelihatan pada hari ini. Antara monumen penting ialah Kota Tuan Habib, Jalan Istana,
6	Kampung Kuchai	1800an	Kampung Melayu awal wujud sekitar tahun 1800an di tengah-tengah bandar Ipoh yang tidak berpenduduk lagi, kini beberapa buah rumah tanpa penghuni merupakan monumen terakhir kelihatan dan menunggu masa untuk roboh
7	Kampung Jawa	1890an	Kampung Jawa juga merupakan kampung Melayu awal di Ipoh yang kini keluasan tanahnya semakin mengecil dan berpotensi untuk pupus. Antara monumen penting ialah Rumah Tok Hussain, salah seorang pemimpin awal Ipoh
8	King George V Silver Rotary Home, Kampung Kuchai	1931	Reput dan usang kini berdepan dengan risiko musnah
9	Rumah Dato' Seri Adika Raja di Jalan Datoh	1910	Rumah tinggal yang berisiko untuk roboh
10	Warta Kinta dan deretan rumah kedai Jalan Datoh	1930an	Deretan kedai yang mengandungi unit pejabat akhbar pertama Perak ini telah musnah sehingga 70% binaanya
11	Yau Tat Shin Market di Jalan Raja Ekram	1961	Dikenali sebagai Bazaar Bulat oleh warga tempatan pada zamannya kini tidak wujud lagi
12	Jalan Chung On Siew yang mempunyai 11 buah deretan rumah kedai		Dirobohkan pada bulan Ogos 2010 untuk memberi laluan kepada pembangunan baru

Sumber; Penyelidik, 2010.

Jadual 1.2 mendedahkan bahawa pemuliharaan kawasan warisan di Bandaraya Ipoh berada di tahap yang membimbangkan, sama ada telah rosak atau hilang akibat tiada usaha melindunginya. Kawasan dan himpunan bangunan warisan ini turut hilang bersama dengan cara hidup masyarakatnya seperti budaya, aktiviti ekonomi termasuk aspek seni bina. Walaupun kemusnahan tapak-tapak warisan sering dikaitkan dengan kesan pembangunan moden (Pheng, 1997), namun apa yang penting ialah dua bincangan awal ini menunjukkan aktiviti pemuliharaan warisan perlu diusahakan melalui perancangan yang rapi serta meningkatkan potensi kawasan dengan melibatkan pemilik, pengusaha, pentadbir, penduduk mahupun pengunjung. Maka sebelum perancangan dilakukan adalah wajar untuk mengesan punca sebenar pengabaian masyarakat terhadap pemuliharaan kawasan warisan mereka.

1.2.2 Pengabaian Pemuliharaan Kawasan Warisan Oleh Pihak Pentadbiran

Masyarakat merangkumi kesemua pihak yang berkongsi entiti dalam sesebuah kawasan, ia menuntut satu komitmen bersama dan saling bergantung antara satu dengan lain bagi mewujudkan satu kehidupan yang baik dan lengkap (George, 2010; Rothman, 1995). Maka perlu dilihat juga peranan agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan kerana kumpulan masyarakat ini amat penting dalam menentukan kejayaan pemuliharaan sesebuah kawasan warisan (Smith, 2007). Menurut Wilson (2006) dalam kajian di 12 Tapak Warisan Dunia di United Kingdom menunjukkan bahawa pihak berkuasa tempatan merupakan organisasi terpenting berbanding 14

organisasi lain seperti badan-badan penasihat, jawatankuasa pengelola (kumpulan pengurusan tapak warisan), persatuan-persatuan masyarakat, institusi pendidikan, jabatan kerajaan, pemilik hartanah swasta, pemegang amanah konservasi, badan pelancongan, organisasi pengangkutan dan badan bukan kerajaan.

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa peranan pihak kerajaan amat penting dan merupakan organisasi utama yang harus memelopori usaha pemuliharaan kawasan warisan sambil disokong oleh kumpulan masyarakat lain (Eden, 1999; Australian Heritage Commission, 2000). Namun begitu, sepanjang penyelidikan dan bacaan terhadap pelan-pelan perancangan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan kerajaan Negeri Perak bermula 2001 hingga 2010, tidak menemui sebarang perancangan khusus dan kukuh mengenai pemuliharaan elemen warisan di Ipoh. Jadual 1.3 berikut adalah senarai pelan perancangan yang dimaksudkan.

Jadual 1.3 Senarai Pelan Perancangan Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri Perak dan Agensi Persekutuan Tahun 2001 Hingga 2010

Bil.	Pelan Perancangan
1	Wawasan dan Strategi Pembangunan Negeri Perak, disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 23 Ogos 2001
2	Pelan Pembangunan Strategik Negeri Perak 2006-2015 (Sub Sektor Kebudayaan) yang disediakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa)
3	Program Retreat Pelan Pembangunan Strategik Negeri Perak Maju 2015, di Cameron Highlands 4-6 Mac 2006. Oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia Perak, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (Perak), Dewan Perniagaan & Perindustrian Cina Perak, Dewan Perniagaan India India Perak, Malaysia International Trade & Industry (MITI) Perak, Malaysian Industrial Development Authority (MIDA), Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Perak, Jabatan Perancang Bandar & Desa dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP).
4	Pelan Pembangunan Strategik Bandar Raya Ipoh 2006-2015 oleh Majlis Bandaraya Ipoh, Mac 2006
5	Retreat Pelan Pembangunan Strategik Negeri Perak 2006-2015 (Pelaksanaan dan Pemantauan) di Cameron Highland pada Mac 2006, oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa
6	Pelan Strategik Perak Maju 2015 – Technical Paper 8 (Tourism Industry in Perak) oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dgn Kerjasama Malaysian Institute of Economic Research, August 2008
7	Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Perak (nombor Warta 495) pada 10 April 2008
8	Pelan Strategik Perak Maju 2015 – Technical Paper 12 (Strategic Action Plan) oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dgn Kerjasama Malaysian Institute of Economic Research, August 2008
9	Pelan Strategik Perak Maju 2015 – Technical Paper 10 (K-Inisiatif) oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dgn Kerjasama Malaysian Institute of Economic Research, August 2008
10	Pelan Strategik Perak Maju 2015 – Technical Paper 1 (Eradiction of Poverty) oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dgn Kerjasama Malaysian Institute of Economic Research, August 2008
11	Pelan Strategik Perak Maju 2015 – Technical Paper 4 (Current Scenario of Perak's Economy) oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dgn Kerjasama Malaysian Institute of Economic Research, August 2008
12	Perak Tourism Strategic Action Plan (Draft Final Report) oleh Tourism Resource Consultants, New Zealand dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia untuk Institut Darul Ridzuan dan Kerajaan Negeri Perak, Disember 2009.
13	Draf Rancangan Tempatan Ipoh 2020 oleh Majlis Bandaraya Ipoh yang dipamerkan kepada umum pada 23 Julai 2010 (masih belum dilancarkan)

Berdasarkan Jadual 1.3, daripada 13 pelan perancangan, hanya 2 yang menyentuh elemen warisan iaitu *Perak Tourism Strategic Action Plan* (2009) dan Draf Rancangan Tempatan Ipoh 2020. *Perak Tourism Strategic*

Action Plan (2009) menekankan elemen sejarah sebagai produk pelancong namun tidak menyatakan kaedah perlaksanaannya. Manakala Draft Rancangan Tempatan Ipoh 2020 pula, hanya memperuntukkan 1.3% dari keseluruhan perbelanjaan yang menyukarkan usaha pemuliharaan dijalankan. Boleh disimpulkan bahawa penglibatan pihak pentadbiran dalam pemuliharaan kawasan warisan masih belum mencukupi. Maka, menilai punca pengabaian oleh golongan tersebut juga perlu diberi perhatian.

Oleh itu, sebagai kesimpulan, setelah menelusuri isu pengabaian oleh pelbagai lapisan masyarakat di Bandaraya Ipoh, maka pemahaman keatas isu tersebut telah memacu pembentukan penyataan masalah. Piaw (2011) menjelaskan masalah kajian merupakan isu yang timbul dalam satu fenomena seterusnya menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian.

1.3 Penyataan Masalah

Bagi negara membangun, wujud stigma dalam kalangan pentadbir dan juga masyarakat di mana pengukur kejayaan pembangunan sosioekonomi adalah berdasarkan permodenan urbanisasi, ini membawa kepada penumpuan berlebihan kepada permodenan bandar berbanding membangunkan sumber warisan sedia ada (Wang, 2007; Shuhana, 2005). Kajian menunjukkan 40% bangunan warisan di Malaysia tidak dipelihara dengan baik (Ching, 2013). Pernyataan ini turut disokong oleh Mohd Isa

(2011) yang menyatakan bangunan warisan di Asia secara keseluruhan kurang dilindungi. Penyelenggaraan adalah isu utama kerana selepas sesebuah bangunan dipulihara, didiami atau digunakan maka pemilik, pentadbir kawasan termasuk pengunjung merupakan kumpulan yang menentukan prestasi pemeliharannya. Ini bererti, kelemahan sokongan masyarakat merupakan punca berlaku pengabaian, ia berdasarkan senarai *World Heritage Site in Danger*, UNESCO, yang mendedahkan kronologi pembatalan status tapak warisan dunia akibat kelemahan tersebut (Mohd Isa, 2011).

Selain itu, kelemahan pemuliharaan kawasan warisan di Malaysia turut berpunca dari kegagalan memahami isu warisan secara holistik. Masyarakat yang tinggal, bekerja dan mengunjungi bandar akan berubah mengikut peredaran masa. Maka, bandar perlu berubah bagi memenuhi keperluan perubahan tersebut (Shahrul, 2013). Siti Norlizaiha (2011) turut menegaskan pemuliharaan menjadi penting sekiranya masyarakat asalnya kekal. Namun begitu, bagi masyarakat baru, pemahaman keatas mereka perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum usaha pemuliharaan digerakan. Wan Hashimah (2012) dan Shahrul (2013) telah menemui jawapan dalam kajian mereka dengan meletakkan penglibatan masyarakat sebagai antara faktor utama mengatasi kelemahan pemuliharaan dan pengabaian kawasan warisan.

Walau bagaimanapun, apakah tindakan terbaik melalui kaedah penglibatan masyarakat ?. Walaupun Shahrul (2013) telah menyenaraikan jawapan asas kepada permasalahan ini dengan meletakkan pemahaman ke

atas potensi warisan dan kesedaran masyarakat merupakan kunci utama, namun masih belum ada kajian lanjut secara empirikal dan mendalam ke atas dua aspek ini. Oleh itu, berdasarkan dua aspek tersebut, penyelidikan ini memberi fokus kepada aspek potensi dan aspek kesedaran dalam permasalahan kawasan warisan. Kajian terperinci diperlukan bagi menjelaskan aspek potensi dan kesedaran mampu menggerakkan masyarakat memulihara kawasan warisan. Kepentingan kedua-dua aspek ini turut diuraikan dalam tajuk 1.3.1, 1.3.2 dan 1.3.3.

1.3.1 Aspek potensi dalam menggalakkan pemuliharaan kawasan warisan di kalangan masyarakat

Menurut Shipley (2011), sebelum 1960-an, negara-negara di Eropah Barat dan Amerika Utara yang terlebih dahulu merasai impak era industri telah mengabaikan bandar bersejarah mereka. Sehingga analisa dan pemahaman mengenai proses pembentukan bandar bersejarah tidak diberi tumpuan. Sebaliknya di Eropah Tengah dan Eropah Timur di mana kesan industri begitu perlahan, menjadikan analisa lebih kuat ke atas bentuk bandar dan memahami kepentingan bandar bersejarah. Ini kerana kekurangan kepesatan industri dan pembukaan kawasan baru menyebabkan himpunan bangunan sejak awal kemunculan bandar diperlukan semaksimum boleh untuk penjana ekonomi dan pelbagai aktiviti.

Walau bagaimanapun, Pickard (1993) mendapati bahawa negara Eropah Timur tidak pula mempunyai sistem perancangan pemuliharaan yang baik walaupun menggunakan bangunan secara berterusan. Perkara ini berbeza dengan United Kingdom dan Belanda yang lebih sistematik kerana keupayaan mereka mengesan potensi aset warisan. Bagi negara Eropah, potensi aset warisan dikesan oleh badan profesional manakala di Amerika Utara ia dilakukan oleh masyarakat setempat. Fenomena ini menyebabkan walaupun pada awalnya berlaku pengabaian akibat permodenan era industri namun akhirnya aset warisan dilihat semula sebagai memiliki prospek sosioekonomi yang tinggi, asalkan pemuliharaan kawasan dilakukan terlebih dahulu dan dirancang dengan baik (Shipley, 2011).

Senario ini bersamaan dengan negara membangun di Asia, punca pengabaian pemuliharaan aset warisan adalah kerana tidak mengetahui dan yakin dengan potensi warisan. Satu-satunya sebab bangunan warisan terus digunakan adalah kerana tiada pilihan menukarnya atau berpindah ke bangunan moden (Kurul, 2007). Selain itu, kurangnya pemahaman mengenai potensi bangunan warisan telah mewujudkan persepsi negatif dan hubungan kurang mesra dengan kumpulan hartanah moden (Yeoh, 1996). Bagi Malaysia amnya dan Bandaraya Ipoh khususnya, kes ini sama seperti di Eropah Timur, iaitu perlu ada keyakinan yang jelas mengenai potensi warisan. Keyakinan masyarakat bersifat sejagat dan cepat terkesan kerana ia bermula dari pemilik dan pengguna aset warisan, pengunjung seterusnya pentadbir (Foster, 2009; Langston, 2007). Oleh itu, perlu ada usaha untuk

membuktikan bangunan warisan diyakini dapat menjana pelbagai keuntungan (Kurul, 2007).

Perkara ini turut dicadangkan oleh Wilts (2007) agar bangunan dan kawasan warisan dijadikan satu ruang yang diyakini mampu memenuhi aktiviti sosioekonomi dan permintaan pengunjung semasa. Sekiranya keyakinan ini tidak tercapai, maka potensinya sukar diketengahkan, akhirnya akan diroboh untuk memberi laluan kepada pembangunan baru yang dirasakan lebih berpotensi. Mohd Isa (2011) menegaskan pakar UNESCO telah meletakkan elemen warisan di Asia menghadapi paling banyak ancaman. Hasil tinjauan Kamarul (2008) di Bandar Hilir Melaka, Ipoh, George Town dan Kuala Lumpur mendapati bangunan warisan di kawasan ini tidak dipelihara dengan baik mengikut prinsip pemuliharaan sebenar. Ini kerana nilai aset warisan tidak mampu dikenalpasti dan difahami oleh pihak berkepentingan seperti pemilik bangunan, masyarakat dan pentadbir kawasan (Mohd Isa, 2011). Perkara ini turut ditegaskan oleh Suriati (2013) yang menyatakan warisan setempat merupakan kapasiti atau potensi kawasan. Manakala pemuliharaan warisan tersebut merupakan usaha kearah meningkatkan potensi tersebut.

Bersandarkan hujah-hujah di atas samada contoh-contoh di Eropah mahupun di Malaysia, maka hubungan potensi dengan pemuliharaan perlu diukur. Teori awal sebelum ini disimpulkan sebagai, potensi yang bakal diperolehi akan menyebabkan usaha pemuliharaan aset warisan itu dilakukan. Walau bagaimanapun teori ini masih dinyatakan dalam bentuk

persetujuan, bukan dalam bentuk pengukuran atau pembuktian empirikal. Maka, perlu ada kajian mengukur hubungan potensi dengan pemuliharaan. Hubungan potensi dan pemuliharaan ini penting kerana memberi pemahaman dan gambaran jelas mengenai tahap keyakinan masyarakat seperti peniaga, pemilik dan pengguna aset warisan serta pentadbir keatas aset warisan kawasan. Keyakinan ini merupakan penggerak atau galakan kepada masyarakat untuk memulihara kawasan warisan mereka.

1.3.2 Aspek kesedaran dalam menggalakkan pemuliharaan kawasan warisan di kalangan masyarakat

Selain pemahaman mengenai potensi, aspek kesedaran yang rendah turut menyumbang kepada pengabaian kawasan warisan (Shuhana, 2005; Castro, 2010). Lindsay (1999) juga menegaskan bahawa kegagalan memupuk kesedaran di kalangan pelbagai lapisan masyarakat menyebabkan usaha mengembeleng aset warisan untuk pelbagai kegunaan semasa menjadi sukar. Kesedaran merupakan satu ikatan antara individu dengan masyarakat dan juga ikatan antara masyarakat dengan persekitaran (Hargreaves, 2004). Ikatan ini penting untuk mewujudkan saling kebergantungan antara satu sama lain dan mencerminkan identiti sebenar masyarakat dalam sesebuah kawasan. Manakala identiti dirumuskan sebagai satu entiti yang melekat dengan sesebuah masyarakat sehingga mencetus sensitiviti di kalangan mereka (Mansfield, 2008).

Kesedaran secara lansung mewujudkan perasaan setiap elemen di dalamnya adalah penting dan perlu dilindungi (George, 2010), ia dikenali sebagai perasaan kepunyaan atau *sense of belonging* iaitu merasai sebahagian daripada masyarakat dan juga persekitaran (Hargreaves, 2004). Kesedaran ini akhirnya akan memperjelaskan kepentingan dan keperluan memelihara identiti masyarakat (Shu, 2003). Berdasarkan penghuraian di atas, maka aspek kesedaran masyarakat ke atas aset warisan dilihat sebagai langkah yang tepat untuk menggerakkan usaha pemuliharaan di kalangan masyarakat.

Mubin (2012) dalam kajiannya juga menegaskan pembangunan sumber warisan dipengaruhi oleh sikap masyarakat di mana masyarakat dilihat sebagai penggerak kepada pemuliharaan. Lebih jelas, Arazi (2010) meletakkan masyarakat sebagai kumpulan penentu sesebuah bangunan dan kawasan warisan bakal dipelihara atau sebaliknya. Ini berdasarkan pertembungan tradisi dengan budaya baru dalam proses modenisasi, sikap tidak peduli kepada persekitaran akan mewujudkan sempadan antara masyarakat dengan persekitaran mereka. Ini juga menerangkan hubungan antara pembangunan dan warisan mempunyai kebergantungan dari perubahan sikap masyarakat (Mubin 2012). Kebergantungan terhadap sikap masyarakat turut ditegaskan oleh A. F Mohd-Isa (2011) yang menekankan aspek dedikasi atau prihatin masyarakat mempengaruhi tahap pemeliharaan bangunan warisan. Pernyataan beliau ini merujuk kepada kajian kelemahan penyelenggaraan bangunan warisan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, seperti juga potensi, aspek kesedaran ini dinyatakan sebagai salah satu teori yang dipersetujui, namun tidak pernah dibuktikan melalui pengukuran. Oleh itu, adalah penting untuk menilai sejauh mana kesedaran wujud di kalangan masyarakat sehingga menggalakkan mereka memulihara kawasan warisan. Kedua-dua aspek potensi dan kesedaran ini penting sebelum usaha pemuliharaan kawasan warisan digerakkan, kerana tanpa mengetahui tahap kedua-duanya, kejayaan pemuliharaan kawasan masih belum terjamin (S.N. Harun, 2011; Shu, 2003; Lindsay, 1999; Wilts, 2007)

1.3.3 Hubungan antara aspek potensi dan aspek kesedaran

Menurut Chynoweth (1996) berdasarkan persepsi kukuh terhadap potensi warisan akhirnya akan membentuk kesedaran. Ia merujuk kepada *institutional perspective* iaitu tanggapan dan pengetahuan keseluruhan masyarakat membentuk persepsi dan kepercayaan yang kuat di kalangan mereka termasuklah usaha memulihara aset warisan (Hunt, 2006; Clegg, 1992). Namun muncul juga kajian yang menyatakan bahawa kesedaran adalah perasaan keikhlasan melindungi aset warisan tanpa memikirkan balasan dan keuntungan yang diterima, terutamanya merujuk kepada konsep *sense of belonging* (Hargreaves, 2004). Sekali lagi, pernyataan mengenai aspek potensi dan aspek kesedaran hanya merupakan satu bentuk persetujuan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu malah persetujuan tersebut berbeza-beza.

Penyelidikan ini percaya perbezaan tersebut disebabkan ketiadaan pengukuran empirikal keatas hubungan kedua-duanya. Mungkin bagi sesetengah kawasan, potensi melebihi kesedaran manakala bagi kawasan warisan lain adalah sebaliknya. Memahami hubungan ini penting untuk menentukan aspek mana yang perlu diberi penekanan. Sekiranya didapati potensi yang mempengaruhi kesedaran, maka dalam perancangan pembangunan kawasan warisan, peluang-peluang sosio-ekonomi serta penjanaaan keuntungan kepada masyarakat perlu diberi keutamaan. Berbanding mewujudkan rasa prihatin terhadap warisan di kalangan masyarakat. Begitu juga sebaliknya, sekiranya didapati kesedaran mempengaruhi pemuliharaan maka program dan agenda membentuk kesedaran sejagat di kalangan masyarakat perlu digerakkan dahulu.

1.4 Kajian Literatur

Kajian literatur dalam bab ini merangkumi penghuraian ringkas mengenai lima elemen utama penyelidikan iaitu 1.4.1 Pemuliharaan Kawasan Warisan, 1.4.2 Penglibatan Masyarakat Dalam Pemuliharaan Kawasan Warisan, 1.4.3 Potensi Kawasan Warisan, 1.4.4 Kesedaran Kepentingan Kawasan Warisan dan 1.4.5 Teori Kemerosotan Bandar. Selain teori kemerosotan bandar, keempat-empat item ini akan diterangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3 Kajian Literatur.

1.4.1 Pemuliharaan Kawasan Warisan

Pemuliharaan merupakan satu kaedah melindungi monumen warisan daripada pupus seterusnya menyelamatkan nilai budaya, estetika dan fungsi yang ada padanya (Mansfield, 2008; Foster, 2009). Selain perlindungan, pemuliharaan bertujuan menganjak kualiti dan nilai, iaitu daripada sebuah bangunan terbiar kepada ruang boleh guna, daripada hampir roboh kepada sebuah ruang yang kukuh (Bullen, 2007) dan mempunyai prospek untuk pelbagai aktiviti ekonomi seperti perniagaan, rekreasi dan kebudayaan (Wood, 2005). Dari aspek kawasan warisan, ia merujuk kepada proses pemuliharaan yang lebih holistik, kerana sesebuah kawasan merangkumi bersama dengan masyarakat, identiti budaya, struktur fizikal serta aktiviti sosioekonomi, termasuklah elemen ketara dan tidak ketara (Shuhana, 2005; Snyder, 2008).

Maka, pemuliharaan kawasan merujuk kepada perlindungan dan pengkalan keseluruhan elemen warisan yang ada dalam ruang persekitarannya, seperti susunatur kawasan, jaringan hubungan (trafik dan laluan kaki), imej kawasan (rupa fizikal bangunan dan garisan langit) serta struktur binaan (Zhang, 2008; Cohen, 2005). Seterusnya pemuliharaan kawasan bertujuan menggalakkan ekonomi setempat dan memasarkan kawasan sebagai destinasi utama aktiviti sosial dan komersial (Yue, 2008), menyumbang kepada pembentukan identiti dan budaya masyarakat serta membantu mendefinisikan ciri-ciri sebuah kawasan (Tweed, 2007).

1.4.2 Penglibatan Masyarakat Dalam Pemuliharaan Kawasan Warisan

Lawson (2010) menegaskan golongan pengguna, pemilik dan pentadbir merupakan satu kumpulan masyarakat. Maka pengabaian kumpulan ini perlu ditangani terlebih dahulu. Masyarakat dilihat bukan sekadar mewakili sesuatu tempat tetapi lebih kepada perkaitan antara tempat dan kepentingannya. Kepentingan tersebut tidak boleh diasingkan dari persepsi kehidupan harian mereka, ini bererti usaha pemuliharaan kawasan perlu dipelopori oleh masyarakat yang berada di dalamnya (Tweed, 2007; Hargreaves, 2004). Penglibatan masyarakat menurut Wagner (2009) akan membentuk modal sosial. Modal sosial penting untuk digabungkan dengan modal lain seperti modal kewangan dan juga modal insan. Modal sosial adalah kepercayaan, norma, kesalingan dan jaringan yang terhasil dari kerjasama individu bagi membentuk sokongan masyarakat. Maka, penglibatan masyarakat merupakan kaedah dinamik melindungi warisan kerana ia merupakan sejarah akar umbi melangkaui beberapa generasi walaupun berlaku perubahan dalam masyarakat (Khalaf, 2010).

Dalam isu warisan, walaupun kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha pemuliharaan seperti tekanan undang-undang, menjana peruntukkan atau dana, memperkenalkan pelbagai insentif cukai serta kempen. Namun tanpa penglibatan masyarakat, usaha ini sukar dilakukan. Castro (2010) dalam kajiannya mengenai pembangunan warisan di Pulau Sicily antara 1993 hingga 2000, mendapati penglibatan masyarakat penting untuk mengesan prospek ekonomi di sesebuah kawasan warisan dan mengenalpasti kehendak

masyarakat setempat. Maka, pembangunan yang dirancang haruslah memberi kelebihan dan keuntungan kepada masyarakat kerana masyarakat merupakan pihak yang berkepentingan ke atas sesuatu entiti. Entiti warisan ini merujuk kepada masyarakat yang mencipta dan memilikinya (George, 2010).

1.4.3 Potensi Kawasan Warisan

Potensi kawasan warisan sering dikaitkan dengan usaha menghidupkan kembali kawasan sebagai sebuah lokasi kediaman yang selesa dan selamat, lokasi pekerjaan dan perniagaan berdaya maju dan juga lokasi riadah yang memenuhi keperluan psikologi kehidupan (Benneth, 2001). Konteks penyuburan kawasan ini ditegaskan oleh Bullen (2009) yang menyatakan pemuliharaan kawasan menjana potensi lebih luas sehingga memberi kesan kepada peningkatan kualiti hidup, memulih sistem kejuruan, meningkat pertumbuhan ekonomi, menggiatkan aktiviti masyarakat, mengekal aset warisan dan budaya, mengurangkan penggunaan sumber tenaga dan sumber semulajadi, mengelak impak negatif alam sekitar, menghalang penyelerakkan bandar dan seterusnya memenuhi aspirasi penduduk setempat.

Walau bagaimanapun, memahami sumber yang ada dalam kawasan merupakan perkara asas sebelum usaha pemuliharaan dilakukan, sumber-sumber ini perlu bersandarkan kepada kepakaran, maklumat dan

penyelidikan di kawasan itu sendiri (Munda, 2008). Jika tidak, ia akan membawa kepada kelemahan mentafsir potensi kawasan dan mempengaruhi signifikan pemuliharaan. Seterusnya menggalakkan pengabaian warisan di kalangan masyarakat yang selama ini turut menerima tekanan urbanisasi (Smith, 2007). Menyedari kepentingannya, maka keyakinan mengenai potensi kawasan warisan harus dimulakan dengan mempromosi kepada sasaran pasaran, iaitu pengguna, pelanggan dan pengunjung (Kavaratzis, 2008). Maka masyarakat setempat perlu lebih kreatif mencipta potensi kawasan berteraskan sumber warisan (Facca, 2011).

Christian (1998) memberi contoh potensi berasaskan spektrum kawasan seperti persembahan (opera, ballet, konsert, teater), industri budaya (rancangan televisyen, panggung wayang, rakaman), muzium, galeri seni, perayaan, pameran, seni visual (lukisan, arca) termasuklah senibina. Maka, kejayaan ekonomi sesebuah kawasan perlu bermula dengan penghargaan ke atas persekitaran, ia juga merangkumi kebijaksanaan mengenal pasti kehendak pelanggan di pelbagai cabang ekonomi (Hospers, 2004; Doyle, 2000; Bullen, 2007). Diringkaskan bahawa, potensi menentukan signifikan pemuliharaan kawasan warisan dan pengetahuan serta keyakinan mengenainya perlu datang dari masyarakat itu sendiri.

1.4.4 Kesedaran Kepentingan Kawasan Warisan

Kesedaran dalam konteks pemuliharaan merujuk kepada rasa menghormati dan menghargai aset warisan. Kesedaran ini dijemakan dalam pelbagai bentuk tindakan ke arah melindungi aset warisan tersebut (The Operational Guidelines, WHC, 2008) termasuklah melibatkan diri dalam pemuliharaan (Shu, 2003). Kesedaran masyarakat ini berkait rapat dengan perasaan *sense of belonging* iaitu rasa kepunyaan ke atas sesuatu dalam persekitaran mereka (Smith, 2010). Perasaan ini menjelaskan lagi hubungan antara persekitaran dengan masyarakat di dalamnya, samada berteraskan keuntungan atau identiti (Hargreaves, 2004). *Sense of belonging* juga melengkapkan teori *sense of place* atau kepekaan masyarakat terhadap persekitaran. Teori ini menepati maksud keseluruhan kawasan yang luas, bukan merujuk kepada satu aset warisan sahaja (Smith, 2007).

Kepekaan persekitaran merupakan gerakkan kesedaran yang lebih cepat dan efisien kerana bersifat sejagat meliputi pengguna, pengunjung, pemilik aset warisan dan pentadbiran kawasan (Shuhana, 2008; Graham, 2006). Seterusnya merealisasikan konsep masyarakat menyelesaikan masalah mereka dan menentukan pembangunan mereka sendiri (Lawson, 2010). Dalam masa sama, warisan merupakan alat yang berkesan untuk perpaduan masyarakat, membentuk identiti kawasan dan aktiviti lapang yang berfaedah serta menjana keuntungan (D'Auria, 2001; Pérez, 2010). Smith (2010) menegaskan kesedaran merupakan perkara yang perlu diwujudkan dahulu sebelum sesebuah kawasan warisan itu dibangunkan.

Rumusan awal mengenai potensi dan kesedaran boleh merujuk kepada Worpole (1993) yang menyatakan bahawa, bandar yang sukar menarik kedatangan pengunjung dan pelabur luar, perlu berusaha memastikan agar masyarakat di dalamnya juga tidak meninggalkan kawasan, ini termasuk mencipta potensi dari pelbagai aspek kehidupan. Manakala kesedaran masyarakat dalaman pula menjamin pembangunan sosioekonomi dengan lebih mapan.

1.4.5 Teori Kemerostan Bandar

Dari segi istilah kemerostan bandar didefinisikan sebagai berlakunya kemelesetan dan kemerostan ekonomi sehingga mengakibatkan persekitaran yang terbiar, usang dan rosak (Dewan Bahasa dan Pustaka). Perkara ini turut diterangkan oleh Rosenthal (2008) mengenai kemerostan ekonomi masyarakat bandar memberi kesan kepada kemerostan elemen fizikal bandar. Maka tahap kemerostan bandar dipengaruhi oleh daya saing ekonominya. Selain sosioekonomi, faktor lain yang turut mempengaruhi perubahan bandar ialah politik, demografi dan ekologi (Franz, 2013). Brueckner (2011) pula menerangkan faktor pemasaran bandar mempunyai kesan langsung kepada kemerostan bandar. Kelemahan pemasaran dikaitkan dengan kesesakan kawasan bandar, kelemahan infrastruktur, kekurangan ruang terbuka dan penawaran produk kepada pengunjung dan masyarakat telah menyumbang kepada kemerostan bandar.